

**Iskandar Malaysia Bukti Kerajaan Benar-Benar Laksana Projek Impak Tinggi Dan ETP - Najib Bernama
6 Disember, 2012**

JOHOR BAHRU, 6 Dis (Bernama) -- Pembangunan pesat yang sedang berlaku di Iskandar Malaysia dan Johor merupakan bukti bahawa kerajaan benar-benar membangunkan projek-projek berimpak tinggi dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan bukan hanya mengembar-gemburkannya untuk menagih sokongan rakyat.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, projek-projek seperti ini perlu diteruskan untuk memastikan cita-cita negara tercapai.

"Ini adalah komitmen kerajaan dan saya akan memastikan kesinambungan projek ini (Iskandar Malaysia) ini akan berterusan sehingga membuah hasil pada tahun 2020 nanti."

"Insya-Allah, kerajaan akan terus berusaha dengan sokongan semua rakyat Malaysia untuk menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya di sini, pada Khamis.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian pada ucapannya yang dibacakan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman pada majlis perasmian Taman Tema Keluarga Puteri Harbour, Nusajaya.

Menurut Najib, beliau amat berbangga kerana dalam tempoh enam tahun pertama pelaksanaan Iskandar Malaysia, impak dan kesan daripada projek jangka panjang itu mula dirasai.

Katanya ini tidak termasuk, kesan pengganda ekonomi dan kegiatan ekonomi mapan daripada projek-projek pemangkin yang dibangunkan seperti Educity, Legoland Malaysia dan Taman Tema Keluarga Puteri Harbour.

"Iskandar Malaysia adalah satu agenda pembinaan negara yang terpenting, bukti iltizam kerajaan untuk membawa Malaysia menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi di masa hadapan," katanya.

Iskandar Malaysia yang berkeluasan 2,217 km persegi, katanya, akan menjadi sebuah metropolis yang bertaraf dunia dan dinamik serta menjadi penjana serta pemangkin dalam proses transformasi seterusnya ke seluruh negara.

Najib berkata, semenjak koridor ekonomi itu dilancarkan enam tahun lepas sehingga Sept tahun ini, ia telah menarik hampir RM100 bilion pelaburan, dengan 40 peratus daripadanya adalah pelaburan asing.

Beliau menegaskan ini termasuk pelaburan RM900 juta pemaju China, Country Garden dalam Danga Bay dan perkongsian antara rakyat Singapura dan syarikat tempatan bagi membangunkan bandar sukan permotoran di Nusajaya.

"Projek-projek seperti ini menunjukkan keyakinan yang ada di kalangan pelabur asing di atas kestabilan negara dan peluang-peluang pertumbuhan, kata Najib.

Katanya walaupun banyak yang telah dicapai di Iskandar Malaysia, namun masih banyak lagi yang perlu dilakukan.

Namun, kata beliau, apa yang lebih penting adalah pelaksanaan yang dijalankan itu haruslah memberikan hasil dan faedah secara terus kepada rakyat sebagai penerima kepentingan yang paling utama dan dinikmati secara sama rata.

Kerajaan, katanya, akan memastikan dalam ia mengejar pembangunan, tidak ada rakyat yang ditinggalkan dan tidak ada rakyat yang dipinggirkan.

Taman Tema Puteri Harbour, katanya, adalah inisiatif untuk menyubur industri pelancongan negara dengan menyediakan produk pelancongan berjenama antarabangsa untuk menarik lebih ramai pelancong ke Johor dan Malaysia.

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Themed Attractions and Resorts Sdn Bhd Tunku Datuk Ahmad Burhanuddin berkata, semenjak dibuka 26 Okt lepas, Taman Tema Puteri Harbour telah menerima 50,000 pelawat.

Taman Tema Puteri Harbour menghimpunkan karakter kegemaran kanak-kanak seperti Sanrio Hello Kitty, Barney, Angelina Ballerina, Pingu, Thomas and Friends dan restoran animasi Lat's Place.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=714539>